

## Kongsi rezeki melalui Infaq Prihatin

Noor Hidayah Tanzizi  
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Prihatin dengan nasib golongan yang memerlukan mendorong KOPETRO Catering mengadakan program bantuan makanan Infaq Prihatin untuk diagihkan.

Usaha itu dilakukan KOPETRO Catering iaitu anak syarikat kepada Koperasi Kakitangan Petronas Berhad (KOPETRO) yang akan menyerahkan pek makanan dan minuman kepada gelandangan, daif, anak yatim dan pelajar tahfiz di Pusat Gelandangan Kuala Lumpur dan As-Sofa Ampang.

Ketua Pegawai Eksekutif KOPETRO, Ahmad Shakir Ahmad Ubaidah berkata, pihaknya membuka peluang kepada masyarakat atau mana-mana pihak yang ingin memberikan sumbangan kepada mereka yang memerlukan melalui program Infaq Prihatin.

Menurutnya, sebelum ini, pihaknya juga konsisten mengadakan program infaq makanan dengan memberi sumbangan kepada masjid, anak yatim, gelandangan dan ketika banjir pada 2021.

"Program Infaq Prihatin kali ini memberi peluang kepada orang ramai, pihak korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau sesiapa saja yang ingin berinfaq pada bila-bila masa dan tidak hanya terhad ketika Ramadan atau ketika bencana saja.

"Melalui sumbangan serendah RM100, sejumlah 14 pek makanan akan disampaikan kepada penghuni di pusat berkenaan demi mengukir senyuman di bibir mereka," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Bahagian Makanan dan Minuman KOPETRO, Mohd Safwan Zulmani berkata, pek makanan program terbabit dilengkapi produk sejuk beku jenama LengQuas keluaran KOPETRO Food.

Katanya, produk makanan berkenaan mempunyai sembilan pilihan menu berdasarkan makanan sejuk beku dan ia mula dipasarkan sejak 2019.

"Bagi memastikan pilihan makanan yang lebih banyak, orang ramai yang berminat membuat infaq boleh memilih di antara tiga pakej di dalam inisiatif Infaq Prihatin KOPETRO Catering ini.

Orang ramai yang berminat membuat tempahan pakej Infaq Prihatin atau mendapatkan butiran lanjut boleh menghubungi talian 03-21613561 atau 012-3236519, selain emel catering@kopetro.com.my dan melayari laman webwww.kopetrocatering.com.my.

Disiarkan pada: Januari 29, 2023 @ 11:54am